

Chirac utus surat beri ulasan peribadi

UM 2, 1 OCT 2003
PARIS 20 Okt. — Presiden Perancis, Jacques Chirac semalam menahantar sepucuk surat kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan memberikan ulasan peribadi beliau berhubung komen Perdana Menteri mengenai kaum Yahudi.

“Kenyataan anda bahawa kaum Yahudi memerintah dunia telah mencetuskan bantahan yang sangat kuat di Perancis dan di dunia,” menurut surat itu.

“Kenyataan seperti itu hanya boleh dikutuk oleh mereka yang mengekalkan ingatan terhadap peristiwa Holocaust (peristiwa pembunuhan enam juta penduduk Yahudi oleh Nazi Jerman),” tambahnya.

Pelbagai negara termasuk Kesatuan Eropah (EU) mengkritik kenyataan Dr. Mahathir Khamis lalu yang menyatakan kaum Yahudi memerintah dunia menerusi proksi.

Chirac sebelum ini telah menghalang usaha EU memasukkan kenyataan yang mengutuk komen Dr. Mahathir dalam satu deklarasasi pada penutup Sidang Kemuncak EU.

“Anda pastinya mengetahui mengenai deklarasasi pada 17 Oktober oleh presiden EU,” kata Chirac dalam surat itu.

Kandungan surat itu juga menyebut mengenai ucapan Dr. Mahathir pada Sidang Kemuncak OIC yang mengutuk serangan berani mati dan mengandungi ‘pemikiran berani dan berterus terang’ yang dituiukan kepada dunia Islam. - AP